

Bantu derita Gaza

Pensyarah, pelajar UTHM kutip dana bantu mangsa kekejaman rejim Zionis

>>Oleh Haidhar Hilmie

am@hmetro.com.my

BATU PAHAT: Kesempitan hidup dan kesengsaraan dialami penduduk Palestin mendorong mahasiswa dan ahli akademik dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, melancarkan tabung amal mengutip dana untuk disalurkan kepada mangsa kekejaman regim Zionis itu.

Pengerusi Kutipan 'Tabung Gaza, We Care!', Nornizam Jamal berkata, pihaknya menjalankan kempen itu dengan meletakkan tabung derma di FPTV selama dua minggu hingga kelmarin dan sejumlah RM3,786 berjaya dikutip.

"Wang kutipan itu diserahkan kepada Aqsa Sharif (AQSA) UTHM iaitu sebuah organisasi sukarelawan.

"Sambutan baik daripada pen-derma menunjukkan keprihatinan mereka terhadap rakyat Palestin yang sengsara akibat kekejaman Israel," katanya pada majlis penyerahan sumbangan kepada wakil AQSA UTHM,



PRIHATIN...Norizam (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan berjaya dikumpul kepada Dr Jiwa (tengah) di UTHM.

Prof Madya Dr Jiwa Abdullah.

Hadir sama Dekan FPTV, Dr Razali Hasan dan Penolong Pe-nggarah Unit Penyelidikan Mak-ro, Bahagian Pembangunan dan Pendidikan Dasar Pendidikan,

Kementerian Pelajaran Malaysia, Dr Roslee Ibrahim.

Norizam berkata, program itu secara tidak langsung mendidik sikap murah hati dalam kalangan mahasiswa UTHM.

"Kami berbesar hati atas sum-
bangan diberikan pensyarah dan
mahasiswa. Semoga program ini
dapat membantu saudara kita di
Palestine yang memerlukan ban-
tuhan," katanya.